

Headline	Emkay anjur karnival jualan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Aug 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	20,955
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,009
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,027



Emkay anjur karnival jualan

Pemaju hartanah, Kumpulan Emkay meraikan ulang tahunnya yang ke-35 dengan melancarkan karnival jualan selama lima bulan dari 31 Julai hingga 31 Disember.

Hadiah dan diskaun ke atas hartanah terpilih merangkumi lot kedai, pejabat, menara pejabat dan kediaman akan diberikan pada setiap pembelian ketika karnival.

“Hari ini menandakan 35 tahun kita membawa kegembiraan kepada masyarakat melalui rumah kediaman yang serba elok.

“Senyuman, kebanggaan dan kepuasan pembeli tidak ada nilainya dan inilah yang kami harapkan dalam setiap kediaman yang kami jual,” kata Ahmad Khalif Mustapha Kamal, Pengarah Eksekutif Kumpulan Emkay dalam satu kenyataan.

Projek Kumpulan Emkay

Seorang lagi Pengarah Eksekutif Kumpulan Emkay, Farah Mahami Mustapha Kamal, turut hadir pada majlis pelancaran karnival itu yang diadakan di Galeri Jualan, Wisma Mustapha Kamal, Cyberjaya, baru-baru ini.

Kumpulan Emkay, bawah pengasasnya, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar sudah memajukan pembangunan dengan jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) RM20 bilion sejak 35 tahun lalu.

Kebanyakan projek Kumpulan Emkay terletak di Cyberjaya dan Damansara Perdana (Selangor) dan Pulau Banding (Perak).



Hari ini menandakan 35 tahun kita membawa

kegembiraan kepada masyarakat melalui rumah kediaman yang serba elok. Senyuman, kebanggaan dan kepuasan pembeli tidak ada nilainya dan inilah yang kami harapkan dalam setiap kediaman yang kami jual”

Ahmad Khalif Mustapha Kamal,
Pengarah Eksekutif
Kumpulan Emkay

BERNAMA